

1. Ogburn, Gilfillan dan Stern merupakan ahli falsafah yang digolongkan dalam satu generasi yang sama. Walau bagaimanapun mereka mempunyai pendapat tersendiri tentang hubungan antara teknologi dan budaya. Bincangkan persamaan dan perbezaan antara pendapat mereka berhubung dengan peranan budaya dalam menentukan teknologi.
2. Sejauhmanakah relevannya aspek pergelutan yang dikemukakan dalam teori semasa bagi menghuraikan persaingan antara penaja ataupun pengusaha bagi menguasai pasaran pada masa sekarang?
3. Bincangkan langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan Malaysia bagi mengawal perkembangan teknologi, agar perkembangan tersebut selaras dengan matlamat pembangunan negara. Sejauhmanakah keberkesanan langkah-langkah tersebut?
4. Sila baca petikan di bawah.

“Kerajaan telah mengambil keputusan untuk tidak membenarkan penggunaan eBike di negara ini walaupun kenderaan tersebut telah mendapat liputan meluas media tentang kebajikannya. Menteri Pengangkutan Datuk Seri Chan Kong Choy menyatakan bahawa kelajuan eBike hanyalah 25ksj adalah terlalu perlahan untuk digunakan di jalanraya dan boleh menimbulkan bahaya kepada kenderaan lain. Beliau juga menyatakan bahawa undang-undang pengangkutan jalan di negara ini dikuatkuasakan berasaskan casis dan kuasa kuda ataupun CC sesuatu kenderaan. eBike walaupun mempunyai casis tetapi kuasanya berdasarkan kilowatt. Oleh itu ia tidak boleh didaftarkan dengan Jabatan Pengangkutan Jalan dan tidak boleh dikeluarkan lesen bagi penggunaan di jalan raya kerana tidak mempunyai peruntukan undang-undang untuk tujuan tersebut.” (Diterjemahkan daripada The Star 9 Dis. 2004)

Berdasarkan petikan di atas, anda dikehendaki membincangkan hubungan antara teknologi dan masyarakat berdasarkan teori teknologi yang bersesuaian.

5. Apakah yang anda faham tentang komuniti maya? Bincangkan faktor yang menyumbang kepada kewujudan komuniti maya dan kesannya terhadap masyarakat.
6. Bincangkan kesan penggunaan teknologi terhadap pengeluaran industri terutama daripada aspek struktur pengeluaran, corak pekerjaan dan cara taburan semula pengeluaran.

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2004/2005

Mac 2005

SBU221 - Masyarakat dan Teknologi

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **TIGA (3)** soalan. Setiap soalan mempunyai nilai markah yang sama.